

# Bajet 2005 dirangka penuhi janji BN — PM

Um - 7/5/2004 : 2

Oleh  
**MARHAINI KAMARUDDIN**

**P**UTRAJAYA 6 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, strategi Bajet 2005 akan dirangka sebaik mungkin bagi memenuhi semua janji dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-11 yang lalu.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, semua pihak termasuk swasta dan perkhidmatan awam perlu bersama-sama menjayakan segala dasar Bajet 2005 bagi membantu kerajaan memimpin dan membangunkan negara selaras dengan aspirasi manifesto berkenaan.


“Majlis Perundingan Bajet 2005 ini bukan sahaja yang pertama bagi saya tetapi juga pertama kali bagi kerajaan BN yang baru diberi mandat besar oleh rakyat.

“Dalam usaha memimpin dan membangunkan negara bersama saya, bantulah saya untuk cuba menjadikan dasar dan strategi bajet kali ini berjaya memenuhi janji dan Manifesto BN,” ujarnya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika merasmikan sesi pertama majlis Perundingan Bajet 2005 di Perbendaharaan di sini hari ini.

Majlis Perundingan Bajet yang sebelum ini dikenali sebagai majlis Dialog Bajet diadakan dalam tiga sesi meliputi isu ekonomi makro, isu sektoral dalam ekonomi serta isu dan agenda kemasyarakatan.

Abdullah berkata, Ma-



**ABDULLAH** Ahmad Badawi berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Putrajaya, Putrajaya semalam.

nifesto BN merupakan janji kepada rakyat dan kerajaan memahami bahawa mandat besar yang diberikan dalam pilihan raya umum lalu merupakan amanah yang perlu ditunaikan sebaik mungkin.

“Maka dengan itu adalah menjadi satu kewajipan untuk kita memenuhi tuntutan amanah itu memandangkan sokongan itu sebenarnya adalah satu amanah.

“Kita mesti bersikap amanah dan menjalankan apa juga rancangan yang telah kita kemukakan kepada rakyat dalam

manifesto pilihan raya dahulu,” ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan mengurangkan kadar defisitnya secara beransur-ansur mulai tahun depan dengan mencapai antara 3.25 hingga 3.5 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar ini untuk mencapai sasaran belanjawan berimbang menjelang 2007.

“Kita tidak mahu terlalu ketat untuk mencapai bajet berimbang menjelang 2006 kerana mungkin akan terjadi satu kawalan perbelanjaan yang drastik dan seterusnya

mungkin terjadi satu pengurangan dalam perbelanjaan yang menyebabkan pengcutan ekonomi.

“Ia bukanlah satu perkara yang baik sebaliknya akan ada kesan negatif yang amat teruk terhadap seluruh pengurusan ekonomi negara.

“Jadi lebih baik kita meneruskannya dengan berhati-hati serta membenarkan tahap peratusan defisit yang wajar iaitu sekitar 3.25 hingga 3.5 peratus, yang mampu diurus dan tidak akan menjejaskan ekonomi kita,” kata beliau.

Bagaimanapun, kata-

nya, sektor ekonomi penting seperti pembuatan perlu meneruskan dasar sedia ada bagi memastikan KDNK terus berkembang pesat dan menjana pasaran pekerjaan.

“Dorongan eksport perlu diteruskan dengan aktif supaya kita boleh meningkatkan rizab dan meningkatkan pendapatan negara.

“Dengan itu ekonomi akan bertambah baik kerana sektor pembuatan akan terus aktif dan semua orang mempunyai kerja, tidak akan ada pengcutan dan tiada pembuangan pekerja,” katanya.